


MRT Laluan SSP

Jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya

Keadaan Geologi

Gambaran keseluruhan jajaran bawah tanah



B/H 02/03/2008 M/S 03

Terowong MRT SSP dijangka siap lebih awal



Projek dilancar
PM turut
kurangkan
anggaran kos
sebelum ini

Oleh Rohaniza Idris,
Mahamun Abdul Aziz
dan Hidir Reduan
hnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak, semalam, melancarkan kerja pembinaan terowong untuk Transit Aliran Masa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) di Bandar Malaysia di sini.

Perdana Menteri turut melancarkan Mesin Pengorek Terowong (VDTBM) yang pertama daripada 12 mesin utama untuk kerja pembinaan berkenaan.

Sebagai simbolik pelancaran itu, beliau menekan kunci pada panel khas yang mana serentak itu kepala pemotong VDTBM mula berputar diiringi bunyi siren.

Babi kos RM32 bilion

Yang urut mengiringi Perdana Menteri ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai;

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri dan Pengerusi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Tan Sri Dr Ali Hamsa yang juga Ketua Setiausaha Negara.

MRT SSP yang membabitkan jajaran sepanjang 52.2 kilometer (km) dengan 13.5km di bawah tanah, dijangka siap pada Julai 2022. Ia mempunyai 35 stesen termasuk 11 stesen bawah tanah.

Kos pembinaan MRT SSP dianggarkan bernilai RM32 bilion dengan fokus utama pembinaan tertumpu kepada kerja pengorekan terowong yang lebih rumit dan mencabar, berbanding Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Ia turut merangkumi pembinaan stesen yang antaranya berada sehingga 44 meter di bawah tanah.

Sementara itu, Tiong Lai berkata, Perdana Menteri menyatakan rasa puas hati dengan kemajuan projek berkenaan.

Jangka siap lebih awal

"Saya rasa gembira dan Perdana Menteri juga amat gembira melihat keseluruhan projek berjalan dengan lancar," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata projek itu dijangka siap lebih awal dengan kos RM32 bilion, iaitu kurang daripada anggaran sebelum ini.

Sebagai langkah penjimatan, katanya, lapan VDTBM yang di-



Tapak projek pembinaan terowong laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) di Bandar Malaysia.


gunakan bagi pembinaan laluan pertama MRT Laluan SBK dibaik pulih dan digunakan semula untuk pembinaan Laluan SSP.

"Apa yang menarik, lapan mesin itu dibaik pulih di Pusing, Perak yang membabitkan kepakaran tempatan melaksanakan kerja baik pulih mesin itu. Langkah membaik pulih mesin itu membantu mengurangkan kos pembelian mesin baharu antara 10 hingga 15 peratus," katanya.

Mengulas lanjut kerja pembinaan Laluan SSP, Shahril berkata, sebanyak 22 peratus kerja pembinaan sudah siap dan setakat ini, jumlah kontrak yang dianugerahkan adalah RM30 bilion dengan kurang RM10 bilion kontrak sudah diagihkan.

Malah, katanya, MRT Corp juga sudah mencapai sasaran pemberian kontrak lebih 50 peratus kepada Bumiputera.

MESIN PENGOREK TEROWONG (TBM)



Mengurangkan impak terhadap alam sekitar dari segi

- Pelepasan bunyi
- Pelepasan debu
- Kesan visual

Meminimumkan gangguan bawah tanah

- Tidak menjejaskan keadaan sedia ada di atas tanah
- Kurang getaran dan tidak memberi kesan kepada penduduk dalam jarak kerja di terowong